

Perancangan lebih sistematik hadapi penuaan penduduk

MyAgeing buat penyelidikan pacu inovasi bentuk persekitaran menyokong warga tua

Kajian dalam kalangan warga tua mendapati ramai mereka yang kehabisan wang simpanan hari tua kerana memberikan wang berkenaan kepada anak, sebaik sahaja mengeluarkan caruman dari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Pengarah Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia (MyAgeing) Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Tengku Aizan Hamid, berkata keadaan itu amat menyedihkan kerana ramai warga tua hidup melarat, sedangkan wang yang sepatusnya menjadi bekalan pada masa tua sudah dihabiskan dengan memberinya kepada anak.

"Ibu bapa perlu memikirkan diri sendiri, terutama untuk masa tua. Tidak dinafikan, sebagai ibu bapa tentu tidak mahu menghampaskan permintaan anak yang mahukan wang tetapi jangan sampai mengabaikan keperluan sendiri kerana anak mampu berusaha berikutnya masih muda dan bertenaga," katanya ketika ditemui BH, baru-baru ini.

Batas usia warga tua

Mengikut ketetapan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), individu yang berusia 60 tahun dan ke atas dikategorikan sebagai warga tua. Keputusan yang dibuat di Vienna, Austria pada tahun 1982 itu turut diterima pakai oleh semua negara ASEAN, termasuk Malaysia.

Sebagai sebuah negara membangun, Malaysia akan merasai penuaan penduduknya dalam masa terdekat, malah pencapaian status negara 'tua' ini lebih cepat berbanding negara maju.

Warga tua di Malaysia berganda daripada tujuh peratus kepada 14 peratus dalam masa 28 tahun sahaja berbanding Sweden yang terpaksa mengambil masa selama 112 tahun untuk mencapai status tua ini.

Mengikut unjuran PBB, Malaysia akan mencapai status negara tua pada tahun 2030 apabila penduduk berusia 60 tahun dan ke atas mencapai 15 peratus daripada jumlah penduduk. Jika mengikut program pembangunan kebangsaan, Malaysia akan menjadi negara tua menjelang Rancangan Malaysia Ke-14.

Antara faktor yang menyumbang ke arah negara tua adalah penurunan kadar kesuburan dan jangka hayat penduduk yang lebih panjang dengan purata umur bagi wanita adalah 77 tahun dan lelaki pula 72 tahun.

Malah, di negara ini, penggandaan



Ibu bapa perlu memikirkan diri sendiri, terutama untuk masa tua. Tidak dinafikan, sebagai ibu bapa jangan sampai mengabaikan keperluan sendiri kerana anak mampu berusaha berikutnya masih muda dan bertenaga"

Tengku Aizan Hamid,
Pengarah MyAgeing UPM

penduduk yang berusia 65 tahun dan ke atas meningkat tujuh peratus hingga 14 peratus dalam tempoh 23 tahun berbanding 50 hingga 100 tahun bagi negara maju.

Peratusan warga tua meningkat

Tengku Aizan berkata, sesebuah negara itu dikategorikan sebagai tua apabila peratusan jumlah warga tua meningkat saban tahun berbanding jumlah penduduk.

"Berbeza dengan negara maju, penuaan penduduk di negara membangun berlaku dengan begitu pesat. Di Perancis misalnya, negara itu mengambil masa 115 tahun untuk menggandakan peratusan kadar penuaan di negara itu, begitu juga Amerika selama 80 tahun dan Jepun selama 26 tahun.

"Justeru, negara berkenaan mempunyai masa secukupnya untuk menyediakan kemudahan, termasuk kesihatan dan pusat penjagaan untuk warga tua itu," katanya.

Kehadiran sebaliknya di negara membangun, penuaan penduduk berlaku selari dengan pembangunan. Justeru, perlu ada persediaan untuk ke arah itu supaya golongan warga tua terbela. Komuniti memainkan peranan penting dalam usaha membantu memberikan perkhidmatan kepada warga tua.



INFO

Warga Tua

- Penduduk berusia 60 tahun dan ke atas mencapai 15 peratus daripada jumlah penduduk pada tahun 2030

- Faktor menyumbang ke arah negara tua adalah penurunan kadar kesuburan

- Purata umur bagi wanita Malaysia adalah 77 tahun dan lelaki pula 72 tahun

"Memang Malaysia bakal menjadi negara penduduk tua sebelum menjadi negara kaya, semua pihak perlu bersiap sedia dan merancang sebaiknya bagi menangani impak penuaan penduduk yang pesat," katanya.

Pelan rancangan warga tua

Tanpa menganggap warga tua sebagai bebanan, semua pihak perlu mencari jalan dan melaksanakan perancangan yang lebih komprehensif bagi menangani cabaran penuaan penduduk.

Ketika ini, pendekatan berorientasikan kebajikan hanya menyentuh keperluan sebahagian kecil warga tua. Dengan kadar peningkatan warga tua yang pesat, potensi warga tua boleh diperkuuh bagi pembangunan negara melalui strategi penuaan aktif dan produktif.

Menyedari cabaran besar dalam



Wang KWSP jaminan keselesaan pada hari tua.

[GAMBAR HIASAN]





Perancangan yang sistematik perlu dilakukan bagi menghadapi kebanjiran warga tua menjelang tahun 2030.

[GAMBAR HIASAN]

menghadapi negara tua ini, MyAgeing yang sebelum ini dikenali sebagai Institut Gerontologi melaksanakan pelbagai bidang penyelidikan, latihan dan sokongan bagi kumpulan sasar ini. Institut ini bertanggungjawab ke atas koordinasi dan pemantauan agenda penuaan penduduk sebagaimana yang bakal digariskan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11).

Ia berfungsi sebagai pusat penyelidikan kebangsaan dalam gerontologi, geriatrik dan geronteknologi serta memacu inovasi bagi menangani cabaran usia tua dan penuaan pelbagai dimensi di Malaysia dan di rantau Asia Tenggara.

Hasil penyelidikan institut penyelidikan ini disalurkan kepada kerajaan, industri dan komuniti untuk pembentukan dasar berdasarkan bukti, program untuk meningkatkan pembangunan modal insan, penilaian im-

pak program, inovasi produk dan perkhidmatan berkaitan penuaan.

Kemudahan mesra warga tua

Tengku Aizan berkata, MyAgeing berhasrat membentuk persekitaran yang menyokong warga tua menerusi pembangunan kemudahan fizikal mesra usia tua, guna tenaga terlatih dalam bidang geriatrik dan gerontologi serta pembangunan teknologi membantu untuk warga tua.

Beliau berkata, pihaknya akan mengenal pasti dan mengetengahkan keperluan warga tua, keluarga dan ahli masyarakat serta menangani impak negatif penuaan penduduk.



Ikuti BH Plus

di www.bharian.com.my
untuk lebih gambar
dan video



Warga tua layak mendapat hidup lebih selesa tanpa perlu lagi bekerja bagi menampung keperluan hidup.

[GAMBAR HIASAN]